

BAB

PENGENALAN

BAB 1. PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Negara Jepun pernah dikenali pada suatu masa dahulu sebagai negeri Wa atau “Wa State” yang bermaksud negeri orang-orang kerdil atau pendek. Walaupun masyarakat ini pernah dikenali kerana kekerdilan fizikalnya tetapi semangat dan kekentalan yang dimiliki telah menjadikan mereka hebat dan lebih baik berbanding masyarakat lain. Malahan sejarawan barat sering mengatakan bahawa masyarakat Jepun adalah merupakan seorang murid yang cerdik dan cepat menguasai ilmu yang diperolehi.

Akan tetapi semua perubahan yang berlaku ini tidaklah terjadi dengan sendirinya, ia dipengaruhi oleh satu elemen yang telah menolak dan merangsang perubahan ini. Dalam pemerhatian penulis ada banyak elemen yang membantu perkembangan ini, dan antara yang terbesarnya ialah elemen alam sekitar. Alam sekitar telah membentuk mentaliti dan mempengaruhi perlakuan masyarakat Jepun hinggan mereka mampu bertukar daripada sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian dalam masa yang singkat sahaja.

1.2 Skop Kajian

Secara umumnya kajian ini berkisar tentang elemen-elemen alam sekitar yang terdapat di Jepun seperti gunung-ganang, bukit-bukau, negara pulau (dikelilingi oleh air), gugusan gunung berapi, pokok-pokok, suhu empat musim dan sebagainya yang telah

diolah dan dieksploitasi dengan begitu baik oleh masyarakat Jepun kuno hinggalah sekarang ini. Kajian ini juga akan melihat kebanyakan unsur alam ini adalah dianggap sebagai halangan bagi sesetengah masyarakat tetapi keadaan ini tidak bagi masyarakat Jepun

Dari segi skop masa pula, kajian ini akan melihat perkembangan tamadun Jepun semenjak zaman awalnya lagi iaitu zaman Jomon, Yamato, Heian, Kamakura, Nara dan seterusnya hinggalah sekarang ini.

1.3 Kaedah Kajian

Dalam menyiapkan disertasi ini, penulis akan menjadikan Perpustakaan Utama, Perpustakaan Zaaba, Perpustakaan Asasi dan Perpustakaan Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Selain itu Perpustakaan Negara dan Perpustakaan "Japan Foundation" juga akan dijadikan sebagai pusat kajian.

Penulis pasti tidak dapat melakukan kajian di kawasan lapangan iaitu di Negara Jepun. Ini adalah kerana kos yang agak tinggi dan menyukarkan. Oleh itu penulis akan melakukan alternatif lain iaitu dengan mengadakan sesi temuramah dan mengedarkan borang soal-selidik (questionnaire) kepada pihak tertentu yang dapat memberikan bantuan dan maklumat dalam menyiapkan kajian ini.

1.4 Masalah Kajian

Dalam proses penulis menyiapkan kajian ini nanti, pasti terdapat beberapa masalah yang berkemungkinan besar berlaku, antara masalah-masalah yang dijangka timbul ialah :

- a) Penulis mungkin akan menghadapi kesukaran mencari bahan-bahan bacaan dan rujukan yang benar-banar relevan dengan tajuk ini. Ini memandangkan bahawa Pengajian Peradaban Jepun adalah yang julung-julung kali diadakan di negara kita, malah di rantau ini. Oleh itu tidak banyak buku yang ditulis oleh para sarjana yang mengkhususkan kajiannya dalam bidang ketamadunan Jepun ini.
- b) Sebagai satu kajian mengenai dunia yang luar dari Malaysia, maka kajian ini akan berpandukan jurnal-jurnal atau buku-buku ilmiah yang kebanyakannya ditulis oleh penulis-penulis luar terutamanya dari barat. Jarang kedapatan masyarakat Jepun sendiri yang mengkaji tentang ketamadunan mereka dan jika ada pun kebanyakannya dalam bahasa Jepun. Masyarakat Melayu juga agak kurang menulis tentang tamadun Jepun dan jika adapun ianya tidaklah terlalu mendalam.
- c) Penulis juga sukar untuk membuat kajian “turut serta” memandangkan perkara yang dikaji ini terlalu kompleks dan agak luas, manakala negara Jepun itu sendiri terletak agak jauh dari negara kita.

1.5 Objektif Kajian

Disertasi ini mempunyai objektif yang utama iaitu untuk melihat kaitan antara alam sekitar dengan tamadun Jepun. Ia akan melihat sejauh manakah alam di sekitar telah mempengaruhi mentaliti dan tahap pemikiran masyarakatnya. Nantinya kita akan dapat melihat dengan jelas, jika masyarakat Jepun ini diletakkan di kawasan lain seperti Afrika atau Malaysia maka berkemungkinan besar mereka tidak akan jadi sehebat hari ini.

Penulis juga amat berharap agar suatu hari nanti, hasil kajian ini dapat diterbitkan supaya boleh menjadi tambahan kepada ilmu dalam dunia akademik dan boleh dijadikan rujukan oleh para pelajar Sarjana Peradaban khususnya. Kajian ini pasti dapat menjelaskan kekuatan tamadun Jepun serta kepentingannya dan juga boleh digunakan oleh Persatuan Sains Sosial Malaysia untuk dijadikan sebagai rujukan yang berguna dalam penyelidikan mereka.

Akhir sekali diharapkan, kajian ini dapat memenuhi syarat keperluan kerja kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur bagi sesi 2001/2002.